



06 SEP, 2023

Kastam patah cubaan seludup 20.14kg dadah

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 1



SAZALI Mohamad (dua kanan) menunjukkan dadah jenis ketamine yang bernilai RM1.2 juta dalam sidang akhbar di Kompleks Kastam Kargo, KLIA, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Kastam patah cubaan seludup 20.14kg dadah

SEPANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mengagalkan cubaan menyeludup dadah ketamine seberat 20.14 kilogram di Pusat Mel dan Kurier Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini.

Dalam operasi pada 28 Ogos lalu, JKDM Zon Tengah Unit III (LTAKL) berjaya merampas dadah bernilai RM1.208 juta itu yang tiba dari Asia Tengah.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, siasatan mendapati, bungkusan itu dialamatkan di Nilai, Negeri Sembilan, namun, berdasarkan pemeriksaan, alamat berkenaan disahkan palsu.

Malah, beliau berkata, jalan yang dinyatakan dalam alamat itu juga tidak wujud dan ia bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

"Pemeriksaan menemui 20 bungkusan plastik mengandungi serbuk kristal dan di-

isytiharkan sebagai 'pharmaceutical substances' yang dibungkus dalam pembalut aluminium, namun, masih dapat dikesan mesin pengimbas.

"Kami difahamkan, penyeludupan itu bukan dikendalikan oleh sindiket, sebaliknya untuk kegunaan sendiri dan rampasan ini berjaya membanteras daripada diedarkan kepada 100,700 penagih dadah," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Sazali berkata, kes ini disiasat mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan usaha kini sedang dilakukan bagi memburu individu terbabit.

Menurutnya, rampasan terbaharu ini menjadikan keseluruhan kes sebanyak 74 kes rampasan dadah dilaporkan di KLIA setakat 31 Ogos lalu membabitkan nilai RM13.39 juta iaitu masing-masing 71 kes melalui rampasan kurier, penumpang (dua kes) dan eksport (satu kes).